



● TIGA puluh enam tahun dulu, bangunan itu telah menepa sejarah kerana pengasas UMNO, Allahyarham Datuk Onn Jaafar mengetuai perhimpunan raksasa menentang Malayan Union di Utara Semenanjung.

Tetapi, semalam, Sekolah Menengah Dairatul Maarif Wataniah, Kepala Batas, Butterworth dijadikan tempat perhimpunan Persidangan UMNO Bahagian Kepala Batas yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri semasa berucap di situ berkata, UMNO patut menjadi satu pergerakan orang ramai bagi membolehkan UMNO berkhidmat kepada semua rakyat di negara ini.

Perdana Menteri sedang meninggalkannya kawasan bangunan itu.

Foto: CHEN YU.

'Utamakan prinsip perjuangan'

□ Tanpa disiplin dan pengorbanan, UMNO tidak akan berjaya. □

Oleh RAZAK RAFFLIS

PARIT BUNTAR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, disiplin dan patuh kepada peraturan ditetapkan oleh parti akan dapat mengekalkan UMNO sebagai tunjang politik negara sejak zaman Perikatan hingga ke zaman Barisan Nasional sekarang.

Katanya, disiplin bermakna kita mematuhi arahan pucuk pimpinan walaupun tidak sececut dengan kehendak peribadi.

Ja juga bererti mengorbankan kehendak hati atau diri sendiri kerana kehendak kumpulan, tambahnya.

"Tanpa disiplin dan pengorbanan, UMNO tidak akan berjaya bahkan apa yang ada sekarang pun mungkin akan hilang," katanya ketika merasmikan Persidangan UMNO Bahagian Parit Buntar di SRJK (Cina) Sin Hwa, sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ahli-ahli UMNO mestilah mengutamakan prinsip perjuangan UMNO

dan bukannya kepentingan atau keuntungan diri.

Katanya, UMNO sebuah parti berperlembagaan yang menjalankan sesuatu menurut peraturan agar semuanya berjalan lalin.

Kata Perdana Menteri, susunan jawatan dalam pucuk pimpinan UMNO seperti Presiden, Timbalan Presiden dan Naib-naib Presiden diadakan bukan bertujuan untuk sengaja diberikan pangkat atau diberikan takhta, maka semua tunduk kepadanya.

"Seseorang itu diletakkan di situ sebenarnya untuk menjalankan kehendak kumpulan.

"Di samping itu, melalui jawatan tersebut, seseorang itu dihendaki memberi panduan kepada semua," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jawatan itu bukan tempat untuk mendapat pangkat, nama atau kereta besar.

Jadi, tambahnya, janganlah berebut jawatan dalam UMNO sehingga lupa apa itu UMNO sebenarnya.

"Apabila seseorang pemimpin itu telah terpilih, semua mesti patuhli pimpinan baru tersebut.

"Rapatkan barisan dan tumpukan tenaga kepada kerja-kerja keajikan yang menjadi sebab UMNO diwujudkan," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, disiplin penting untuk menjayakan sesuatu kehendak kumpulan.

"Ahli-ahli UMNO mestilah ada disiplin, kawal kepentingan diri dan nafsu.

"Barulah pergerakan kita dapat berjaya," tambahnya.

Katanya, disiplin itu hendaklah diamalkan bukan sahaja dalam UMNO tetapi juga dalam semua bidang, baik di kilang mahupun dalam kerajaan.